



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**MALAYSIA DESTINASI MESRA PELANCONGAN ISLAM**

**Tarikh Dibaca :**

**6 JAMADILAKHIR 1441H/  
31 JANUARI 2020M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Pengurusan Masjid  
Bahagian Dakwah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



## MALAYSIA DESTINASI MESRA PELANCONGAN ISLAM

31 Januari 2020M/ 6 Jamadilakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنُسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا۔ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ۔ أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيهِكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ۔

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَمَرْتَ أَنَّ الْفُلَكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِنِعْمَتِ اللَّهِ لِيُرِيَكُمْ مِنْ إِيمَانِتِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذَيْنَتِ لِكُلِّ

صَبَّارٍ شَكُورٍ



Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita perteguhkan takwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya serta meninggalkan segala laranganNya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia hingga akhirat. Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020, mimbar pada hari ini akan membincarakan khutbah yang bertajuk : “Malaysia Destinasi Mesra Pelancongan Islam”.

## **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Industri pelancongan Islam merupakan antara bidang yang sangat penting kepada perkembangan ekonomi negara lebih-lebih lagi melibatkan kehadiran pelancong muslim dari seluruh dunia. Berdasarkan Pusat Pelancongan Islam atau Islamic Tourisme Centre, pelancongan Islam bermaksud sebarang aktiviti, acara dan pengalaman yang dilakukan ketika melancong yang bersesuaian dengan syariat Islam.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia, jumlah kedatangan pelancong muslim dianggarkan sebanyak 5.2 juta daripada 25.8 juta pelancong keseluruhan yang datang ke negara ini pada tahun 2018 yang kebanyakkannya terdiri daripada warganegara Arab Saudi, UAE, Oman, Iran dan Kuwait. Rata-rata dalam kalangan mereka telah berbelanja besar yang telah memberi impak positif kepada industri pelancongan negara. Ia sekaligus meningkatkan jumlah pendapatan dan ekonomi negara di samping menaikkan imej negara di peringkat antarabangsa. Inilah yang menjadikan Malaysia sebagai negara contoh bagi industri pelancongan Islam bukan sahaja kepada negara-negara Islam lain malah negara-negara bukan Islam seperti Jepun, Taiwan, Thailand dan lain-lain.

Justeru, kerajaan sangat mengambil peranan dalam memastikan perkembangan industri ini dengan menubuhkan Islamic Tourism Centre di bawah MOTAC pada tahun 2009 lagi. Pelbagai kemudahan mesra muslim telah diwujudkan dan akan sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa termasuklah penyediaan prasarana untuk solat dan penyediaan makanan-makanan halal yang bersih dan mudah didapati. Hasilnya, Malaysia telah menduduki tempat pertama selama 9 tahun berturut-turut dalam indeks Pelancongan Islam Global oleh MasterCard - CresentRating.

## **Para tetamu Allah yang diberkati,**

Kerjasama ITC dan JAKIM sangat penting dalam mengimarahkan Masjid sebagai pusat tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkenalkan konsep masjid RAHMAH. Dalam pada itu, tumpuan juga harus diberikan kepada kerjasama strategik di antara agensi-agensi kerajaan dengan NGO dan pihak swasta lebih-lebih lagi dalam penganjuran pelbagai acara dan program pelancongan Islam yang bertaraf antarabangsa seperti Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa dan MIHAS yang menonjolkan produk-produk Islam. Inilah masa yang sesuai dalam mempromosikan Malaysia sebagai tempat pelancongan yang bercirikan Islam di mata dunia.

## **Sidang Jemaah yang berbahagia,**

Usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai pusat pelancongan Islam terkemuka di dunia tidak akan berjaya sekiranya kita hanya menyerahkan peranan tersebut kepada pihak kerajaan atau agensi-agensi yang berkaitan semata-mata. Semua pihak termasuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya seharusnya turut sama dalam membantu usaha-usaha tersebut. Antara peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat dalam mempromosikan pelancongan negara ini adalah:

**Pertama: Menjadi duta pelancongan negara.** Setiap individu perlu memberikan komitmen dan kerjasama yang tinggi dalam memberi galakan terhadap rakan-rakan, kenalan mahupun saudara mara sama ada dalam negara atau dari luar negara untuk melancong ke negara kita. Hebahan maklumat dan informasi pelancongan daripada kita sebagai warganegara, tentunya memberi keyakinan dan tarikan kepada mereka untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

**Kedua: Mengamalkan norma dan nilai yang baik dalam kehidupan.**

Ketinggian budi pekerti dan akhlak terpuji seharusnya menjadi amalan dan budaya masyarakat Malaysia. Dalam konteks ini, kita hendaklah sentiasa mempamerkan sikap yang baik dalam menyantuni dan menghormati para tetamu dan para pelancong yang berkunjung dalam negara kita. Amalan sebegini bukan sahaja akan menghadirkan perasaan tenteram, aman dan selesa malah mewujudkan kemesraan dan keharmonian dalam kepelbagaian interaksi antara satu sama lain. Berusahalah menyantuni mereka dengan memberikan sapaan mesra dan sebagainya. Elakkanlah daripada bersikap sompong dan kasar terhadap para tetamu dan pelancong negara, kerana sikap tersebut tidak menjadi cerminan terhadap keadaan warganegara Malaysia yang berbudi tinggi dan berakhhlak mulia.

**Ketiga: Mengamalkan nilai-nilai murni sebagai umat Islam.** Islam amat menitikberatkan umatnya supaya sentiasa memelihara kebersihan dan kekemasan. Ini kerana dua aspek tersebut mencerminkan ketinggian agama Islam dan pakaian orang-orang yang bertakwa. Oleh itu, dalam memastikan pelancongan negara terus dihormati dan disegani, kita hendaklah menjaga kebersihan di setiap destinasi pelancongan negara dengan menyediakan perkhidmatan yang bersih dan berkualiti. Selain itu, kita juga mestilah berperanan untuk memelihara kebersihan tempat-tempat pelancongan negara dan menjauhi budaya vandalisme pada harta benda awam yang telah disediakan oleh pihak berkuasa.**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Dalam memajukan industri pelancongan di dalam negara kita, institusi masjid juga memainkan peranan yang penting malahan masjid-masjid sentiasa mengalu-alukan kehadiran pelancong-pelancong sama ada islam atau bukan islam. Mengikut data yang dikeluarkan oleh ITC sebanyak 80 buah masjid disenaraikan sebagai masjid pelancongan termasuk Masjid

Negara, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra di Putrajaya. Mengikut statistik data kehadiran pelancong di Masjid Putra, sekitar lebih 2 ribu orang sehari dan lebih 70 ribu orang sebulan. Ini menjadikan jumlahnya seramai 922, 653 orang pelancong luar negara pada tahun 2019. Ini membuktikan pengurusan masjid sentiasa mengalu-alukan kehadiran pelancong sama ada muslim atau non muslim. Bagi menyantuni kehadiran pelancong, masjid juga ada menyediakan sukarelawan pemandu pelancong.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Kerajaan persekutuan melalui JAKIM sedang rancak mempromosikan konsep masjid RAHMAH ke seluruh Negara selaras dengan dasar Rahmatan Lil Alamin yang dilancarkan pada 25 Oktober 2019 yang lalu. Ciri-ciri masjid RAHMAH ialah Ramah, Aman, Harmoni, Mesra, Alami dan Hormat. Ianya bertujuan untuk mempromosikan masjid kepada setiap lapisan masyarakat sebagai tempat yang aman,mesra,hormat dan harmoni. Ciri-ciri ini memenuhi dan bertepatan dengan kempen tahun melawat Malaysia 2020.

Dalam menyahut seruan tersebut, mimbar ingin mengambil kesempatan untuk meingingatkan para jemaah supaya sentiasa berwaspada dan memelihara diri serta keluarga daripada dijangkiti penyakit-penyakit berbahaya terutamanya wabak Novel Coronavirus yang sedang menular sejak kebelakangan ini. Justeru, kita mestilah mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti menjaga kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung ketika berada di tempat tumpuan ramai supaya kita dapat mengelakkan risiko-risiko jangkitan yang

boleh berlaku dan sentiasa ingat bahawa segala kebaikan, musibah penyakit sebagai peringatan daripada Allah. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Ash – Shuraa ayat 30:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمَا آتَصَبَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبْتُ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ  
٣٠

*Bermaksud: “Dan apa juar yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu”.*

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah marilah kita mengambil beberapa intipati sebagai rumusan khutbah pada hari ini:

**Pertama :** Pelancongan adalah suatu aktiviti yang digalakkan dalam Islam.

**Kedua :** Sebagai warganegara, kita hendaklah memainkan peranan dalam menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pelancongan Islam terkemuka dunia.

**Ketiga :** Kita hendaklah menyahut dan menyokong inisiatif kerajaan dalam menggalakkan pelancongan Islam khususnya bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

**Keempat :** Masjid sentiasa mengalu-alukan kedatangan para pelancong.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Mulk ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلْلًا فَامْشُوا فِي مَنَابِكُهَا وَلْكُوْمِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ١٥

Bermaksud: “Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهْلِ  
وَاصْحَٰبِيِّ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْوَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلٰى  
النَّبِيِّ يَسَّأِلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

၅၁

اللَّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى  
أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَأَرْضَ اللَّٰهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ الْبَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّائِبِينَ  
وَتَابِعِي التَّائِبِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضَ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بَكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانَ اَكْوَغَ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجَ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللهِ .

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بَكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسُورِي اَكْوَغَ، تُونِكُو (Tunku) حَاجَهُ عَزِيزَةُ اَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِلْحَسْنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْمُنْعَى يَعْظِمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾ فَادْعُوْا اللهَ الْعَظِيمَ

يَذْكُرُ كُوْنُ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يِزِدْ كُوْنُ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ،  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.